



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid 41 No. 4

S4

Suku Keempat 2025

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh BNM berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh BNM dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

03	Sorotan Penting
04	Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
05	Perkembangan Ekonomi Malaysia
10	Perkembangan Monetari dan Kewangan
13	Pertimbangan Dasar
15	Tinjauan Makroekonomi
20	Tambahan

Sorotan Penting bagi S4 2025

KDNK mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 6.3% (S3: 5.4%)

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan?



Perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi
Penggunaan Swasta: 5.3% (S3 2025: 5%)



Aktiviti pelaburan yang stabil
Pembentukan Modal Tetap Kasar: 9.3% (S3 2025: 7.4%)



Permintaan berterusan untuk eksport elektrik dan elektronik (E&E) dan aktiviti pelancongan
Eksport Barangan dan Perkhidmatan: 3.9% (S3 2025: 1.7%)

Pasaran pekerja terus bertambah baik



Kadar Pengangguran
2.9%
(S3 2025: 3%)



Gaji Nominal Sektor Swasta
4.1%
(S3 2025: 3.8%)

Inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.3% (S3: 1.3%)

Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi inflasi?



Inflasi yang lebih tinggi bagi barang kemas dan jam tangan
Inflasi barang kemas dan jam tangan: 32.3%
(S3 2025: 21.8%)



Kesan asas daripada inflasi perkhidmatan komunikasi mudah alih
Inflasi perkhidmatan komunikasi mudah alih: -2.9%
(S3 2025: -12.7%)



Inflasi yang lebih rendah bagi harga yang ditadbir, khususnya elektrik dan petrol
Inflasi harga yang ditadbir: -1.1%
(S3 2025: -0.7%)

Ringgit menambah nilai berbanding mata wang rakan-rakan dagangan



NEER* Ringgit
3.8%
(S3 2025: 0.8%;
2025: 6.3%)



MYR/USD
3.9%
(S3 2025: 0.05%;
2025: 10.2%)



Indeks Dolar AS
0.6%
(S3 2025: 0.9%;
2025: -9.4%)


*NEER: Kadar Pertukaran Efektif Nominal

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global berterusan pada S4 2025


KDNK ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, %



¹ Merujuk unjuran KDNK S4 2025 oleh Federal Reserve Bank of Atlanta
Sumber: Pihak berkuasa negara

Aktiviti perdagangan serantau bercampur-campur merentas ekonomi

Eksport ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, % (dalam dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan


- **Pertumbuhan global berterusan pada S4 2025**, disokong oleh eksport berkaitan teknologi yang kukuh berikutan peningkatan perbelanjaan teknologi yang didorong oleh kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI), inflasi yang semakin berkurang serta dasar fiskal dan monetari yang memberikan sokongan. Pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) didorong oleh penggunaan yang berdaya tahan, perbelanjaan kerajaan yang berterusan serta eksport yang lebih tinggi. Di China, kemerosotan sektor harta tanah dan sentimen yang lemah terus menjejaskan permintaan dalam negeri.
- **Perdagangan serantau menunjukkan trend yang bercampur-campur**. Beberapa ekonomi yang mendapat manfaat daripada permintaan yang kukuh bagi sektor elektrik dan elektronik (E&E), termasuk komponen berkaitan AI, mencatatkan pertumbuhan eksport yang lebih tinggi, manakala ekonomi lain mengalami perdagangan yang lebih perlahan apabila kesan tarif menjadi lebih ketara.
- **Inflasi keseluruhan global mereda**, didorong terutamanya oleh harga komoditi yang lebih rendah berikutan pengeluaran yang lebih tinggi serta keadaan permintaan yang lebih rendah.
- **Harga minyak mentah Brent menurun** kepada USD63 setong pada S4 2025 (S3 2025: USD68 setong), didorong oleh keadaan lebihan bekalan dalam pasaran minyak global berikutan bekalan yang terus meningkat daripada negara pengeluar OPEC dan bukan OPEC.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 6.3% pada S4 2025


Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi berkembang sebanyak 0.8% pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S4 2025?



Pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta langkah-langkah dasar



Pertumbuhan lebih tinggi dalam pelaburan swasta yang disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan untuk mesin dan peralatan, khususnya bagi pusat data



Eksport yang lebih kukuh didorong oleh permintaan E&E yang mantap, pendapatan daripada aktiviti pelancongan yang lebih tinggi dan eksport perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology, ICT*) yang semakin berkembang

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri yang berterusan dalam keadaan eksport bersih yang lebih lemah


Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta



Perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi untuk pengangkutan serta perumahan & utiliti, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta langkah-langkah dasar

Pelaburan Swasta




Perbelanjaan yang lebih kukuh bagi jentera dan kelengkapan (khususnya untuk pusat data) serta pelaburan struktur yang berterusan

Penggunaan Awam



Perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi

Pelaburan Awam



Perbelanjaan aset tetap yang lebih kukuh oleh Kerajaan dan syarikat awam

Eksport Bersih



Pertumbuhan eksport yang berterusan disokong oleh perkhidmatan E&E, pelancongan dan berkaitan ICT, diimbangi oleh import barangan perantaraan dan barangan modal yang lebih kukuh

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan yang lebih tinggi bagi kebanyakan sektor, kecuali sektor perlombongan


Perubahan tahunan %

Perkhidmatan



Pertumbuhan yang lebih kukuh didorong terutamanya oleh subsektor berkaitan pengguna, perkhidmatan kerajaan serta subsektor ICT susulan pembukaan pusat data

Perkilangan




Pengeluaran E&E yang lebih kukuh susulan permintaan yang lebih tinggi daripada pengembangan teknologi global serta pengeluaran barangan berkaitan pengguna yang lebih tinggi

Pertanian




Pertumbuhan subsektor kelapa sawit yang lebih tinggi disebabkan oleh kejadian banjir yang kurang teruk berbanding tahun sebelumnya

Perlombongan



Pengeluaran minyak yang lebih perlahan digabungkan dengan penurunan dalam pertumbuhan pengeluaran gas

Pembinaan



Pertumbuhan mantap disokong oleh aktiviti pembinaan bukan kediaman dan pertukangan khas

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja


Pasaran pekerja kekal positif

- Kadar pengangguran terus menurun kepada 2.9% pada S4 2025 (S3 2025: 3% daripada tenaga kerja).
- Guna tenaga meningkat kepada 17.1 juta orang pada S4 2025 (S3 2025: 16.97 juta orang) berikutan permintaan yang berterusan terhadap pekerja.
- Bekalan pekerja tetap menggalakkan apabila kadar penyertaan tenaga kerja kekal tidak berubah pada 70.9% pada S4 2025 (S3 2025: 70.9%).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran rendah


Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Upah nominal dan benar sektor swasta, Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Upah nominal mengikut sektor, Perubahan tahunan, %




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi keseluruhan kekal stabil dan rendah manakala inflasi teras meningkat pada suku keempat

- Inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.3%, manakala inflasi teras meningkat kepada 2.3% pada S4 2025.
- Peningkatan inflasi teras didorong terutamanya oleh harga barang kemas dan jam tangan yang lebih tinggi, serta kesan asas daripada inflasi perkhidmatan komunikasi mudah alih.² Walau bagaimanapun, inflasi keseluruhan kekal stabil berikutan penurunan harga ditadbir, terutamanya bagi elektrik dan petrol, yang sebahagian besarnya mengimbangi peningkatan tersebut.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras, Perubahan tahunan, %



² Diskaun promosi bagi pelan pascabayar mudah alih telah menurunkan harga dengan ketara mulai bulan Oktober 2024. Kesan asas daripadanya luput pada S4 2025 apabila penurunan harga sebelum ini tidak lagi diambil kira dalam perbandingan tahun ke tahun.


Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia.

Inflasi kurang meluas pada suku keempat

- Bahagian item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan pada suku keempat adalah lebih kecil dan kekal di bawah purata yang pernah dicatatkan sebelum ini.
- Rebakan inflasi yang lebih rendah adalah konsisten dengan keadaan kos global yang terus sederhana.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan, Bahagian, %



Nota: Data mulai tahun 2024 mencerminkan tambahan item baharu dalam kumpulan IHP berdasarkan HIES 2022.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pertumbuhan eksport dan import yang lebih tinggi

	Eksport Kasar	11% S3 2025: 6.8%	Pertumbuhan yang kukuh dalam eksport E&E serta eksport komoditi yang bertambah baik
	Import Kasar	12.6% S3 2025: 0.4%	Import perantaraan kembali pulih serta import modal yang lebih tinggi berikutan aktiviti pelaburan yang kukuh

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebih akaun semasa yang lebih rendah serta aliran masuk ke dalam akaun kewangan

	Akaun Semasa RM2 bilion; 0.4% daripada KDNK (S3 2025: RM12.8 bilion; 2.5% ³)		Akaun Kewangan Aliran masuk bersih RM12.3 bilion (S3 2025: Aliran keluar bersih RM11.2 bilion)
---	--	---	--

Lebihan yang lebih rendah disebabkan oleh

- Peningkatan import barangan yang didorong oleh import barangan modal yang lebih tinggi, mengatasi peningkatan eksport.
- Defisit pendapatan primer semakin besar disebabkan oleh keuntungan lebih tinggi yang dicatatkan oleh syarikat pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI).
- Defisit pendapatan sekunder yang lebih besar didorong oleh kiriman wang.

Yang sebahagiannya diimbangi oleh

- Lebihan perkhidmatan yang lebih tinggi didorong oleh pendapatan perjalanan dan eksport berkaitan ICT yang lebih tinggi.

³ Mencerminkan semakin menaik eksport perkhidmatan berkaitan ICT (sebelum ini RM12.2 bilion atau 2.4% daripada KDNK) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih tinggi

RM1.39 trilion atau 68.9% daripada KDNK
(S3 2025: RM1.38 trilion atau 69.4% daripada KDNK)

- Pembelian sekuriti hutang Kerajaan oleh bukan pemastautin.
- Pinjaman antara syarikat berkaitan yang lebih tinggi oleh syarikat korporat.

Hutang luar negeri kekal terus % daripada jumlah hutang luar negeri

Dalam denominasi ringgit: 32.8%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit.

Dalam denominasi mata wang asing: 67.2%
yang 59.6% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 19.2% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan.

Jangka sederhana dan panjang: 57.3%
Risiko pelanjutan terhad.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih **-RM9.6 bilion**
(S3 2025: RM77.3 bilion)

Rizab Antarabangsa⁴ **USD126.9 bilion**
(S3 2025: USD123.6 bilion)

- **4.7 bulan⁵** import barangan dan perkhidmatan
- **0.9 kali** hutang luar negeri jangka pendek

⁴ Pada 30 Januari 2026

⁵ Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang diterbitkan pada 9 Februari 2026, kerana data ini mencerminkan data terkini S4 2025 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan serta hutang luar negeri jangka pendek.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia


Perkembangan Monetari dan Kewangan

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menambah nilai berbanding mata wang rakan dagangan pada suku keempat

Penambahan nilai ringgit didorong oleh perkembangan persekitaran luaran, termasuk pemotongan kadar dasar oleh Federal Reserve AS pada bulan Oktober dan Disember, serta prospek ekonomi dalam negeri yang menggalakkan.

Prestasi ringgit berbanding mata wang utama dan serantau terpilih
% sejak awal tahun sehingga kini dan suku tahun ke suku tahun



Nota: NEER merujuk kadar pertukaran efektif nominal ringgit yang mengukur prestasi ringgit berbanding sekumpulan mata wang rakan dagangan utama Malaysia.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan pasaran kewangan domestik didorong oleh faktor global dan dalam negeri



Kadar hasil bon meningkat sedikit

berikutan terbitan sekuriti Kerajaan yang lebih tinggi

Kadar hasil MGS 10 tahun

+4 mata asas
(S3 2025: -2 mata asas)



Pasaran ekuiti meningkat

selaras dengan ekuiti global, disokong oleh permintaan daripada pelabur institusi tempatan menjelang akhir suku keempat

KLCI
+4.2% suku tahun ke suku tahun
(S3 2025: +5.1%)

Faktor utama yang mempengaruhi pasaran global dan domestik



Perbezaan kadar faedah yang semakin mengecil

mencerminkan pemotongan kadar dasar oleh Federal Reserve AS berikutan keadaan pasaran pekerja AS yang semakin perlahan



Ketidakpastian berkaitan tarif yang terus mereda, susulan perjanjian perdagangan yang dimuktamadkan antara AS dengan beberapa negara serantau



Prospek ekonomi dalam negeri yang positif, disokong oleh beberapa usaha pembaharuan yang mengukuhkan keyakinan pelabur dan meningkatkan sentimen secara keseluruhan


Sumber: Bank Negara Malaysia, Electronic Trading Platform (ETP) dan Bursa Malaysia

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar deposit tetap dan kadar pinjaman purata terus menurun pada suku keempat

Kadar faedah,
Pada akhir tempoh, %




- **KLIBOR 3 bulan meningkat sedikit** berikutan permintaan bermusim bagi pendanaan oleh bank-bank menjelang akhir tahun, walaupun dengan magnitud yang lebih kecil berbanding tahun-tahun kebelakangan ini. Sejak itu, kadar KLIBOR telah mula menurun secara beransur-ansur pada bulan Januari 2026 merentasi kebanyakan tempoh.
- **Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) runcit menurun** antara 1 hingga 7 mata asas merentasi tempoh pada suku keempat, mencerminkan strategi pendanaan bank-bank untuk menguruskan kos dana.
- **Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul menurun** sebanyak 6 mata asas pada suku keempat, mencerminkan kesan pindahan yang berterusan daripada pengurangan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 9 Julai 2025.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Mudah tunai sistem perbankan terus menyokong pengantaraan kewangan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM,
Pada akhir tempoh, RM bilion



- **Jumlah mudah tunai dalam sistem perbankan menurun sedikit** berikutan peningkatan mata wang dalam edaran kerana permintaan terhadap wang tunai yang meningkat semasa tempoh akhir tahun.
- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan lebihan penempatan semalaman di BNM pada akhir bulan Disember 2025.


Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit menurun berikutan pengembangan yang lebih perlahan dalam pinjaman perniagaan terkumpul

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan
Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan⁶

5.4%
S3 2025: 6%

- Pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul⁷ menurun (5%; S3 2025: 5.6%) susulan pengembangan pinjaman perniagaan yang lebih perlahan, manakala pertumbuhan pinjaman isi rumah kekal stabil.
- Pertumbuhan bon korporat terkumpul berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 6.9% (S3 2025: 7.3%) berikutan penebusan yang lebih tinggi.

Pinjaman Perniagaan

3.9%
S3 2025: 5.5%

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan menurun kepada 3.9%, mencerminkan terutamanya pertumbuhan pinjaman yang lebih perlahan bagi tujuan modal kerja dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (4.3%; S3 2025: 6%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan bagi tujuan berkaitan pelaburan⁸ juga berkurang tetapi kekal melebihi purata jangka panjangnya.⁹
- Secara suku tahunan, pengeluaran pinjaman berkembang merentasi PKS dan bukan PKS.

Pinjaman Isi Rumah

5.6%
S3 2025: 5.7%

- Pertumbuhan pinjaman isi rumah stabil pada 5.6%, dengan pertumbuhan pinjaman yang mampan bagi kebanyakan tujuan.
- Permintaan untuk pinjaman isi rumah kekal stabil secara keseluruhan dengan kelulusan pembiayaan yang berterusan.

⁶ Semua angka yang disebut adalah dalam bentuk perubahan tahunan.
⁷ Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
⁸ Terdiri daripada pinjaman untuk pembelian harta bukan kediaman, harta kediaman untuk kegunaan perniagaan, aset tetap serta untuk aktiviti pembinaan.
⁹ Merujuk purata suku tahunan pertumbuhan pinjaman dari tahun 2022 hingga 2024.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertimbangan Dasar

Sorotan Mesyuarat MPC bulan Januari 2026

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 2.75% dalam mesyuarat MPC bulan November 2025 dan Januari 2026.
- MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai imbalan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.

Dasar monetari adalah wajar dan memberikan sokongan terhadap ekonomi dalam keadaan harga yang stabil

Pada mesyuarat bulan November 2025 dan Januari 2026, MPC mengekalkan OPR pada 2.75%.

Setakat mesyuarat bulan Januari 2026, pertumbuhan global pada tahun 2025 lebih tinggi daripada jangkaan, terutamanya mencerminkan tarif yang lebih rendah daripada jangkaan, perbelanjaan yang lebih tinggi untuk teknologi yang didorong oleh kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) dan sokongan fiskal yang lebih kukuh. Bagi tahun 2026, MPC menilai bahawa meskipun kesan tarif boleh mempengaruhi pertumbuhan global, prospek pertumbuhan kekal berdaya tahan, disokong oleh permintaan dalam negeri yang berterusan, inflasi yang semakin berkurang, pelaburan teknologi

yang mantap serta sokongan dasar fiskal dan monetari. Risiko pertumbuhan menjadi perlahan terus wujud disebabkan oleh kemungkinan tarif yang lebih tinggi, ketegangan geopolitik yang semakin meruncing dan volatiliti yang ketara dalam pasaran kewangan global. Selain itu, masih terdapat kebimbangan yang berterusan terhadap penilaian yang tinggi dalam pasaran kewangan. Pertumbuhan berpotensi menjadi pesat termasuk perbelanjaan untuk teknologi yang lebih kukuh, kesan tarif yang lebih sederhana terhadap kegiatan ekonomi serta dasar yang menyokong pertumbuhan di negara-negara maju.

Bagi ekonomi Malaysia, pertumbuhan bagi tahun 2025 dijangka berada sekitar paras atas julat unjuran. MPC menilai bahawa momentum pertumbuhan ini dijangka berterusan pada tahun 2026, disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Guna tenaga, pertumbuhan upah serta langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan akan kekal menyokong perbelanjaan isi rumah. Aktiviti pelaburan akan didorong oleh kemajuan projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, pelaksanaan projek awam baharu yang berskala kecil, lebih banyak pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan, serta pelan induk nasional yang terus dilaksanakan. Sektor luaran akan mendapat manfaat daripada eksport elektrik dan elektronik (E&E) yang terus kukuh serta perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. MPC menilai bahawa prospek pertumbuhan ini kekal tertakluk pada ketidakpastian, khususnya berhubung dengan perkembangan global. Risiko prospek pertumbuhan menjadi perlahan kekal berpunca daripada perdagangan global yang lebih

Pertimbangan Dasar

perlahan dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan. Sementara itu, potensi pertumbuhan menjadi pesat boleh berpunca daripada prospek pertumbuhan global yang lebih baik, permintaan terhadap barangan E&E yang lebih kukuh dan aktiviti pelancongan yang lebih giat.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata sebanyak 1.4% dan 2% pada tahun 2025. Bagi tahun 2026, inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana berikutan keadaan kos global yang terus reda. Harga komoditi global dijangka kekal sederhana, lantas menyumbang kepada keadaan kos dalam negeri yang terkawal. Sementara itu, inflasi teras pada tahun 2026 dijangka kekal stabil dan hampir dengan purata jangka panjangnya, mencerminkan pengembangan berterusan dalam kegiatan ekonomi serta ketiadaan tekanan permintaan yang berlebihan.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpendapat bahawa pendirian dasar monetari adalah wajar dan memberikan sokongan terhadap ekonomi dalam keadaan harga yang stabil. MPC akan terus memantau perkembangan semasa dan menilai imbalan risiko berhubung dengan prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri.

Prospek pertumbuhan global yang lebih baik berikutan kadar tarif yang lebih rendah dan perbelanjaan teknologi yang lebih kukuh

Ekonomi global:

- Pertumbuhan global bagi tahun 2025 adalah lebih tinggi daripada jangkaan, disebabkan oleh kadar dan kesan tarif yang lebih rendah daripada jangkaan, rangsangan fiskal yang lebih kukuh, serta perbelanjaan teknologi yang didorong oleh AI.
- Bagi tahun 2026, pertumbuhan global akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang berdaya tahan, inflasi yang semakin berkurang, dasar fiskal dan monetari yang menyokong, serta pelaburan teknologi yang terus kukuh.
- Kesemua faktor ini dijangka dapat mengimbangi kesan negatif daripada tarif yang lebih tinggi dan ketidakpastian geopolitik.

Perdagangan global:

- Pertumbuhan perdagangan global diunjurkan semakin lemah¹⁰ apabila lonjakan sementara daripada penghantaran yang diawalkan (*front-loaded shipments*) berkurang dan kesan tarif dirasakan sepenuhnya.
- Pertumbuhan yang lebih perlahan ini sebahagiannya akan diimbangi oleh permintaan yang lebih kukuh terhadap barangan E&E, terutamanya komponen berkaitan AI, serta pendorong struktur seperti pendigitalan yang semakin meluas, pelaburan yang lebih tinggi dalam inisiatif peralihan rendah karbon dan perdagangan intrarantau yang berterusan.

¹⁰ Unjuran perdagangan global oleh IMF: 2.6% pada tahun 2026 (2025: 4.1%)

Pertumbuhan global terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi pesat dan juga risiko pertumbuhan menjadi perlahan

- **Imbangan risiko secara keseluruhan kekal tidak berubah** daripada jangkaan sebelum ini. Hal ini kerana risiko baharu pertumbuhan menjadi lebih tinggi berikutan perbelanjaan teknologi diimbangi oleh peningkatan risiko ketegangan geopolitik semakin meruncing.
- **Risiko pertumbuhan menjadi perlahan** boleh disebabkan oleh kemungkinan tarif yang lebih tinggi, terutamanya yang khusus bagi produk, dan konflik geopolitik yang kian meruncing. Selain itu, terdapat kebimbangan berterusan mengenai penilaian dalam pasaran kewangan yang kekal tinggi.
- **Risiko pertumbuhan menjadi pesat** berpunca daripada perbelanjaan teknologi yang lebih kukuh, impak tarif yang lebih rendah serta sokongan dasar yang lebih besar di negara-negara maju.

Tinjauan Ekonomi Dalam Negeri

Permintaan dalam negeri dan eksport yang berdaya tahan akan terus menyokong pertumbuhan

- Unjuran pertumbuhan pada tahun 2026 dijangka berada dalam julat 4%–4.5%. Pertumbuhan ini akan didorong oleh permintaan dalam negeri dan eksport yang berdaya tahan.
- Perbelanjaan isi rumah akan didorong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif dan sokongan dasar yang berterusan.
- Pengembangan aktiviti pelaburan akan didorong oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam yang terus dilaksanakan, pelaburan yang diluluskan akan terus direalisasikan serta pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah pelan induk nasional dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13).
- Pertumbuhan eksport akan disokong oleh pengembangan teknologi global, terutamanya bagi barangan E&E. Meskipun begitu, pertumbuhan ini juga akan disokong oleh pengembangan aktiviti pelancongan yang disebabkan oleh pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026.


Prospek pertumbuhan terus bergantung pada ketidakpastian, khususnya berhubung dengan perkembangan global

- **Imbangan risiko bagi ekonomi dalam negeri kekal tidak berubah** daripada jangkaan sebelumnya.
- **Risiko prospek pertumbuhan menjadi perlahan** termasuk perdagangan global yang perlahan, sentimen yang lebih lemah, dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan.
- **Risiko prospek pertumbuhan menjadi tinggi** mungkin disebabkan oleh prospek pertumbuhan global yang lebih baik, permintaan yang lebih tinggi terhadap E&E dan aktiviti pelancongan yang lebih giat.

Keadaan Permintaan Dalam Negeri

Perbelanjaan isi rumah akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta langkah-langkah dasar yang berterusan

Upah agregat nominal¹¹ dan guna tenaga
Perubahan tahunan, %




- **Perbelanjaan swasta dijangka terus berkembang**, disokong oleh pertumbuhan upah serta langkah-langkah dasar yang berterusan.
- Pertumbuhan upah akan disokong oleh prestasi sektor luaran yang berdaya tahan serta langkah-langkah dasar berkaitan pendapatan termasuk Fasa 2 Semakan Gaji Penjawat Awam (Civil Servant Salary Revision, CSSR).
- Selain itu, pindahan wang tunai seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) serta BUDI95 akan memberikan sokongan pada perbelanjaan isi rumah.

¹¹ Merujuk upah sektor swasta dan awam. Gaji sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Statistik Pembuatan Bulanan dan Statistik Perkhidmatan Suku Tahunan. Gaji sektor awam pula merujuk gaji yang dibayar kepada penjawat awam.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti pelaburan kekal menggalakkan, dengan tumpuan yang semakin meningkat kepada subsektor berkompleksiti tinggi

Jumlah Kelulusan Pelaburan oleh MIDA Mengikut Pelaburan Asing dan Dalam Negeri
RM bilion



- **Prospek pelaburan dijangka kekal menggalakkan** dengan kelulusan pelaburan yang lebih tinggi dicatatkan dari bulan Jan-Sep 2025 sebanyak RM285.8 bilion, berbanding RM252 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya, didorong terutamanya oleh pelaburan asing.
- Pelaburan asing ini semakin tertumpu pada subsektor berkompleksiti tinggi seperti ICT, E&E dan produk kimia yang menyumbang 66.1% daripada kelulusan pelaburan asing bagi tempoh Januari hingga September 2025. Dalam sektor ICT, pelaburan pusat data kekal sebagai penyumbang penting, mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap infrastruktur digital.
- Sementara itu, pengembangan teknologi global turut menyokong pelaburan yang berterusan dalam sektor E&E dan projek perkilangan lain.


Sumber: MIDA

Tinjauan Makroekonomi

Keadaan Permintaan Luaran

Pertumbuhan eksport akan disokong oleh daya tahan sektor E&E

Pertumbuhan eksport kasar
Perubahan tahunan, %




- **Daya tahan eksport E&E** disokong oleh pengembangan teknologi global dan peranan penting Malaysia dalam rantai nilai global E&E, yang akan mengurangkan kesan tarif AS.
- Eksport berkaitan perlombongan dijangka terus terjejas oleh aktiviti penyelenggaraan dan harga yang lebih rendah.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan berterusan dalam sektor pelancongan dijangka menyokong eksport

Ketibaan pelancong mengikut kewarganegaraan
% daripada tahun 2019



- **Pelancongan ke dalam negeri pada tahun 2025 telah melepasi paras sebelum pandemik (2019), didorong terutamanya oleh peningkatan ketibaan pelancong daripada negara serantau.**¹² Pelancongan ke dalam negeri dijangka kekal sebagai penyumbang utama kepada eksport perkhidmatan pada tahun 2026, disokong oleh penambahbaikan sambungan penerbangan, pengecualian visa dan usaha promosi di bawah kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026.

¹² Merujuk China, India, Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei, Vietnam dan Filipina yang menyumbang sebanyak 82% daripada jumlah ketibaan pelancong pada tahun 2025.
Sumber: Tourism Malaysia

Tinjauan Inflasi

Inflasi dijangka kekal sederhana pada tahun 2026

- Selaras dengan jangkaan sebelum ini, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata 1.4% dan 2% pada tahun 2025.¹³
- Menuju masa hadapan, inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana pada tahun 2026 berikutan keadaan kos global yang terus reda. Prospek harga komoditi yang sederhana akan membantu membendung tekanan kos terhadap inflasi.
- Inflasi teras dijangka kekal stabil secara am dan menghampiri purata jangka panjangnya pada tahun 2026. Keadaan ini mencerminkan kegiatan ekonomi yang terus berkembang serta ketiadaan tekanan yang berlebihan terhadap permintaan.
- Pelaksanaan pembaharuan dasar dalam negeri pada tahun 2025, seperti peluasan SST dan rasionalisasi subsidi RON95 yang bersasar, diunjurkan hanya akan memberikan kesan yang sederhana terhadap inflasi pada tahun 2026.

¹³ Seperti yang disiarkan dalam penerbitan Buletin Suku Tahunan sebelum ini, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing diunjurkan berpurata antara 1% – 2% dan 1.5% – 2.3% pada tahun 2025.

Prospek inflasi terus bergantung terutamanya pada risiko daripada persekitaran luaran

- Sejak suku ketiga tahun 2025, risiko kenaikan inflasi yang didorong oleh langkah-langkah dasar dalam negeri dinilai sebagai terkawal.
- Walaupun begitu, **persekitaran luaran** kekal sebagai sumber utama ketidakpastian, dengan risiko terhadap unjuran asas inflasi sebahagian besarnya bergantung pada trajektori perkembangan global.
 - **Risiko inflasi** yang lebih tinggi mungkin disebabkan oleh kos luaran yang lebih tinggi yang didorong oleh ketidakpastian perdagangan, ketegangan geopolitik (contohnya menerusi harga komoditi dan gangguan bekalan) serta cuaca buruk.
 - **Risiko inflasi** yang lebih rendah boleh berpunca daripada permintaan dan aktiviti perdagangan global yang lebih perlahan daripada jangkaan. Keadaan ini mendorong kepada harga komoditi yang lebih rendah dan keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana. Tekanan menurun selanjutnya ke atas inflasi juga boleh disebabkan oleh penurunan kos input yang berterusan, termasuk pengukuhan nilai ringgit.

Jadual 1: **KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2024 (%)	2024			2025				Tahun
		S3	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	
		Perubahan tahunan, %							
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	96.3	7.1	6.4	6.5	6.0	7.0	5.8	6.6	6.3
Sektor swasta	77.2	6.9	6.6	6.6	5.9	6.8	5.5	6.0	6.1
Penggunaan	60.6	4.7	5.3	5.1	5.0	5.3	5.0	5.3	5.2
Pelaburan	17.2	15.6	12.7	12.3	9.2	11.8	7.3	9.2	9.4
Sektor Awam	18.0	8.0	5.8	6.3	6.2	8.1	7.2	8.5	7.6
Penggunaan	13.4	6.0	4.0	4.7	4.3	6.4	7.1	8.0	6.6
Pelaburan	5.1	14.4	10.0	11.1	11.6	13.6	7.4	9.5	10.3
Eksport Bersih	3.3	-5.3	63.6	9.2	19.6	-72.6	18.7	-45.8	-19.3
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	66.8	11.7	8.7	8.3	4.1	2.6	1.7	3.9	3.1
Import Barangan dan Perkhidmatan	63.5	13.0	5.9	8.2	3.1	6.6	0.7	7.9	4.6
KDNK Benar, perubahan tahunan %	100.0	5.4	4.9	5.1	4.4	4.4	5.4	6.3	5.2
KDNK, perubahan suku tahunan, terlaras secara bermusim %	-	1.6	-0.2	-	0.7	2.2	2.7	0.8	-

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: **KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2024 (%)	2024			2025				
		S3	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan, %							
Perkhidmatan	59.4	5.2	5.5	5.3	5.0	5.1	5.5	6.3	5.5
Perkilangan	23.1	5.6	4.2	4.2	4.1	3.7	4.1	6.1	4.5
Pertanian	6.3	3.6	-0.7	3.1	0.7	2.5	0.1	5.4	2.2
Perlombongan	6.0	-2.8	-0.7	0.9	-2.7	-5.2	9.7	2.0	0.7
Pembinaan	4.0	20.0	20.7	17.5	14.2	12.1	11.8	11.0	12.2
KDNK Benar, perubahan tahunan %	100.0	5.4	4.9	5.1	4.4	4.4	5.4	6.3	5.2

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: **Imbangan Pembayaran**¹

	2024 ^d		2025 ^a				
	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
	RM bilion						
Akaun semasa	12.9	27.7	16.7	0.3	12.8	2.0	31.8
% daripada KDNK	2.6	1.4	3.4	0.1	2.5	0.4	1.6
Barangan	36.9	114.5	38.5	17.0	31.8	23.6	110.9
Perkhidmatan	-1.0	-11.7	-3.4	-3.3	2.8	5.0	1.2
Pendapatan primer	-17.1	-66.1	-17.1	-8.9	-19.9	-23.5	-69.5
Pendapatan sekunder	-5.9	-9.0	-1.2	-4.6	-1.8	-3.1	-10.8
Akaun kewangan	-9.3	-4.9	-20.3	-2.2	-11.2	12.3	-21.4
Pelaburan langsung	13.5	17.7	12.1	2.2	6.8	25.0	46.0
Aset	-16.2	-63.8	-14.8	-4.9	-2.8	-9.1	-31.6
Liabiliti	29.7	81.4	26.9	7.1	9.5	34.1	77.6
Pelaburan portfolio	-42.0	-84.1	-48.3	16.4	-28.0	-1.8	-61.7
Aset	-25.7	-107.3	-34.4	-22.6	-13.5	-15.9	-86.4
Liabiliti	-16.3	23.2	-13.9	39.0	-14.6	14.0	24.6
Derivatif Kewangan	2.7	2.8	-1.7	1.3	-0.8	1.5	0.2
Pelaburan lain	16.5	58.7	17.6	-22.1	10.9	-12.3	-5.9
Kesilapan dan ketinggalan bersih	2.5	-7.0	6.6	2.9	1.7	-13.3	-2.0
Imbangan keseluruhan	6.1	15.8	3.0	1.0	3.3	1.0	8.4

^d Disemak

^a Awal

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.

Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.

¹ Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4: **Hutang Luar Negeri Terkumpul**

	2024 ^d	2025 ^a	
	Akhir Disember	Akhir September	Akhir Disember
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	1,350.2	1,381.2	1,394.8
<i>Bersamaan USD bilion</i>	<i>301.7</i>	<i>327.7</i>	<i>335.7</i>
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	162.1	156.8	152.9
Peminjaman antara bank	237.9	237.7	241.9
Pinjaman antara syarikat berkaitan	228.7	227.4	236.2
Pinjaman	89.3	99.0	95.5
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	274.0	285.9	299.4
Deposit bukan pemastautin	150.0	147.1	151.5
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	28.2	27.9	26.9
Lain-lain	180.1	199.4	190.3
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	774.3	785.7	799.5
Jangka pendek	575.9	595.5	595.3
Denominasi mata wang			
Ringgit	421.2	445.7	457.4
Asing	929.0	935.5	937.4
Jumlah hutang luar negeri/KDNK, %	69.9	69.4	68.9
Hutang luar negeri jangka pendek/Jumlah hutang luar negeri, %	42.6	43.1	42.7
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek, kali	0.9	0.9	0.9

^d Disemak

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	2024	2025		2024	2025	
	S4	S3	S4	S4	S3	S4
	Akhir tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan ¹	2878.0	2990.1	3032.9	5.2	6.0	5.4
Bon korporat terkumpul ²	593.1	625.0	633.9	3.4	7.3	6.9
Pinjaman terkumpul ^{3,4}	2284.9	2365.1	2398.9	5.7	5.6	5.0
Perniagaan	816.3	838.0	848.0	5.2	5.5	3.9
PKS	413.6	433.1	437.9	7.1	7.2	5.9
Bukan PKS	399.0	402.0	407.3	3.3	3.7	2.1
Isi rumah	1468.6	1527.1	1550.9	5.9	5.7	5.6
Kredit kepada perniagaan ⁵	1409.4	1463.0	1481.9	4.4	6.2	5.1

¹ Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.

² Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.

³ Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.

⁴ Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursu.

⁵ Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: **Penunjuk Pinjaman¹**

	2024	2025		2024	2025	
	S4	S3	S4	S4	S3	S4
	Dalam tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan²						
Permohonan pinjaman	411.5	433.2	426.0	2.7	0.9	3.5
Kelulusan pinjaman	223.3	221.7	231.4	-0.9	-1.0	3.6
Pengeluaran pinjaman	551.5	519.9	544.4	-4.9	1.0	-1.3
Bayaran balik pinjaman	530.9	500.4	514.4	-4.8	0.3	-3.1
Antaranya:						
Perniagaan³						
Permohonan pinjaman	174.0	175.6	178.3	8.3	-3.4	2.4
Kelulusan pinjaman	115.2	105.4	116.0	2.2	-5.3	0.8
Pengeluaran pinjaman	406.7	376.9	393.5	-7.8	1.5	-3.2
Bayaran balik pinjaman	393.3	361.6	371.4	-8.2	-0.4	-5.6
PKS						
Permohonan pinjaman	94.7	94.3	90.0	14.7	-4.5	-5.0
Kelulusan pinjaman	54.1	52.6	49.4	0.5	2.3	-8.7
Pengeluaran pinjaman	150.5	143.5	147.5	6.3	3.3	-2.0
Bayaran balik pinjaman	142.8	136.5	139.7	7.3	1.1	-2.2
Bukan PKS						
Permohonan pinjaman	79.3	81.3	88.3	1.5	-2.1	11.3
Kelulusan pinjaman	61.0	52.8	66.6	3.7	-11.9	9.3
Pengeluaran pinjaman	254.1	231.4	243.4	-14.6	0.0	-4.2
Bayaran balik pinjaman	249.0	223.4	230.4	-15.2	-1.4	-7.5
Isi Rumah						
Permohonan pinjaman	237.4	257.6	247.7	-1.1	4.0	4.3
Kelulusan pinjaman	108.2	116.3	115.4	-3.9	3.2	6.7
Pengeluaran pinjaman	144.8	143.0	150.9	4.2	-0.3	4.2
Bayaran balik pinjaman	137.6	138.7	143.0	6.5	2.3	3.9

¹ Pinjaman bagi semua segmen termasuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

² Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.

³ Angka-angka pinjaman bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi angka pinjaman perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut dimasukkan dalam pengiraan.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan

	2024	2025		2024	2025	
	S4	S3	S4 ^a	S4	S3	S4 ^a
	%			Perubahan tahunan, mata peratusan		
Pulangan atas ekuiti ¹ (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	12.1	13.3	13.1	0.9	0.9	1.0
Pulangan atas ekuiti ¹ (berasaskan keuntungan selepas cukai)	9.3	10.3	10.2	0.6	0.8	0.9
Pulangan atas aset ¹ (berasaskan keuntungan sebelum cukai)	1.3	1.5	1.5	0.10	0.09	0.12
	RM juta			Perubahan tahunan, %		
Pendapatan faedah bersih	16,092	16,167	16,799	8.5	1.2	4.4
<i>Campur</i> : Pendapatan berasaskan fi	3,318	3,450	3,621	-2.9	0.4	9.1
<i>Tolak</i> : Kos operasi ²	12,066	11,857	12,212	8.4	3.2	1.2
Keuntungan operasi kasar	7,345	7,760	8,207	3.2	-2.1	11.7
<i>Tolak</i> : Peruntukan jejas nilai ³ dan lain-lain	601	575	171	-53.0	-12.0	-71.6
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	6,743	7,185	8,036	15.5	-1.3	19.2
<i>Campur</i> : Pendapatan lain ¹	4,766	5,351	5,708	5.6	-6.8	19.8
Untung sebelum cukai¹	11,509	12,536	13,744	11.2	-3.7	19.4
Untung selepas cukai¹	9,127	9,439	10,733	6.4	-4.7	17.6

^a Awalan

¹ Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% hingga 10.7%.

² Merujuk kos kakitangan dan overhead.

³ Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2024	2025		2024	2025	
	S4	S3	S4 ^a	S4	S3	S4 ^a
	RM juta			Perubahan tahunan, % ²		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan ¹	1,029	3,624	1,024	-60.5	42.0	-0.6
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	1,054	985	916	7.2	16.7	-13.1
Nisbah tuntutan (%)	57	59	55	2.0	3.1	-2.1

^a Awalan

¹ Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keberuntungan penanggung insurans dan pengendali takaful dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.

² Merujuk mata peratusan bagi perubahan tahunan nisbah tuntutan.

Sumber: Bank Negara Malaysia